



POLISI EMPUNYARUMAH / ISIRUMAH

PERJANJIAN KAMI

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang dikemukakan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pertanyaan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pro-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak yang diinsurans pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang pihak yang diinsurans berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara pihak yang diinsurans dan **AmGeneral Insurance Berhad**. (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan pihak yang diinsurans atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh pihak yang diinsurans, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans pihak yang diinsurans, keengganan atau pengurangan gantirugi pihak yang diinsurans, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans pihak yang diinsurans.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara pihak yang diinsurans dan pihak Syarikat.

APAKAH YANG MEMBENTUK POLISI INI

Insurans tidak melindungi diri **Anda** terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Sila baca **Polisi** ini dengan teliti bagi memastikan **Anda** faham tentang apa yang dilindungi serta terma dan syarat yang digunapakai dan pastikan **Anda** berpuashati dengan perlindungan yang diberi.

Tajuk-tajuk yang tertera bukan sebahagian daripada kandungan Polisi.

Polisi, Jadual dan Pengendorsan-pengendorsan mesti dibaca bersama kerana ianya membentuk kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini menetapkan apa yang diinsuranskan terhadap **Anda** seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual dan keadaan di mana **Anda** dilindungi atau dicakupi.

Setengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam **huruf tebal** kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Polisi** ini. **Anda** boleh menyemak maknanya di bahagian Glosari.

Perlindungan insurans yang diperuntukan dibawah **Polisi** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada **Anda** mengamati dan memenuhi **sepenuhnya** terma-terma, peruntukan-peruntukan, **pengendorsan-pengendorsan** serta fasal-fasal **Polisi** ini.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

Kewajipan Pendedahan

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Pengendorsan dan Pembaharuan

Anda dikehendaki, sebelum pengendorsan atau pembaharuan insurans **Anda**, memberitahu **Kami** apa-apa yang **Anda** tahu sebagai relevan dan sebagaimana seseorang munasabah yang berada di dalam keadaan tersebut dijangka tahu. **Kami** mungkin memerlukan **Anda** membayar premium tambahan sekiranya sebarang maklumat yang diberi dianggap menaikkan risiko kerugian dan kerosakan.

Notis-notis Insurans yang Lain

Anda dikehendaki memberitahu **Kami** tentang insurans **Anda** yang lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli insurans ini dan juga semasa **Tempoh** perlindungan **insurans**, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang diinsuranskan di bawah **Polisi** ini.

Notis tersebut hendaklah diberi dan diendorskan oleh **Kami** di dalam **Polisi** ini sebelum **Kejadian** apa-apa kerugian atau kerosakan, kegagalan berbuat demikian mungkin akan menyebabkan semua manfaat di bawah **Polisi** ini akan ditarik balik.

FASAL MENGINSURANS (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Kami akan menginsuranskan Bangunan-bangunan dan / atau Isi Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Anda** semasa **tempoh insurans**.

Perlindungan ini diberikan atas dasar:-

- i) **Anda** bersetuju membayar **Premium** untuk perlindungan ini, dan
- ii) maklumat lisan/ bertulis yang diberikan oleh **Anda** semasa memasuki kontrak ini.

Sehubungan dengan apa-apa **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang berlaku dalam **tempoh insurans** ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam **Polisi**, **Kami** akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, mengganti rugi **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Polisi ini melindungi **Anda** sehingga **Jumlah Yang Diinsuranskan** sebagaimana tercatat di dalam **Jadual** untuk kerugian atau kerosakan terhadap bangunan **Anda** dan / atau Isi Kandungan **Anda** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Diinsuranskan**. **Jadual Anda** akan menunjukkan samada **Anda** telah menginsuranskan bangunan **Anda**, isi kandungan **Anda** atau kedua-duanya.

Bangunan Anda

"**Bangunan**" bermakna bangunan rumah kediaman persendirian di mana **premis** tersebut terletak termasuk:

- segala pejabat domestik, kandang kuda;
- garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas **premis** yang sama;
- **lekapan** dan **lengkapan**;
- dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling **premis**.

Kediaman Rumah Persendirian juga merujuk kepada Bangunan Rumah Pangsa dan Pangsapuri.

Apabila Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri diinsuranskan, Kediaman Rumah Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri.

Kandungan Anda

"**Kandungan**" bermakna segala jenis barangan rumah dan setiap **barangan peribadi** yang dihuraikan, yang dipunyai oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** yang biasanya menghuni bersama **Anda** yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas **premis** yang sama yang ditentukan di dalam **Jadual**.

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Kandungan yang dilindungi adalah terhad kepada:</p> <ol style="list-style-type: none">a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabut, piano, organ, peralatan rumahtangga, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan;b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga (1/3) daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan.	<p>Kandungan yang dilindungi tidak termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none">a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;b) Harta yang diinsuranskan di bawah Polisi yang lebih khusus;c) Suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam Jadual.

WARANTI YANG DIGUNAPAKAI (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Polisi ini adalah tertakluk kepada **waranti-waranti** berikut:

Waranti Larangan Barang Niaga

Tidak ada mana-mana bahagian **premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga **semasa berkuatkuasanya** polisi ini.

Waranti Premium

Premium yang perlu dibayar kepada **Kami** mesti dijelaskan dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya **polisi / endorsemen / siji** pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini secara automatik adalah terbatal dan **Kami** berhak ke atas **premium** pro rata sepanjang tempoh **Kami** menanggung risiko.

Apabila **premium** yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh **Kami** bagi maksud **waranti** ini.

Beban membuktikan bahawa **premium** yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima **premium** tersebut terletak pada **Kami**.

KEJADIAN YANG DIINSURANSKAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Kami akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan / atau Isi Kandungan Anda yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kebakaran, Kilat, Petir, Kebakaran Bawah Tanah 2) Letupan 3) Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan / atau benda yang gugur daripadanya 4) Hentaman terhadap mana-mana bangunan: <ol style="list-style-type: none"> i) Untuk Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> • Anda; atau • Ahli Keluarga Anda. ii) Untuk Blok Rumah Pangsa Atau Pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan: <ul style="list-style-type: none"> • Anda; atau • Ejen atau orang gaji Anda atau • Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian. 5) Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air Rumah 6) Kecurian, tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar 7) Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin 8) Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi 9) Banjir 10) Rompakan dan Tahan di dalam premis harta benda Anda. 	<p>Kami tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan / atau Isi Kandungan Anda yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni. a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu tempoh insurans, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh Kami melalui pengendorsan. b) Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik Anda atau mana-mana ahli keluarga Anda. a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kerugian atau kerosakan kepada: <ol style="list-style-type: none"> i) Mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi; ii) Cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda lekapan atau kelengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar. <p>Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Amaun Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual. b) Kerugian atau kerosakan kepada bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.

MANFAAT TAMBAHAN

Manfaat Tambahan disediakan untuk **Anda** tanpa sebarang **premium** tambahan tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam **Polisi**.

Digunapakai untuk Isi Kandungannya

Digunapakai sekiranya **Polisi** ini hanya melindungi **Isi Kandungan Anda**:

A) Harta Yang Dipindahkan Sementara

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Anda dilindungi di bawah Kejadian Yang Diinsuranskan apabila isi kandungan rumah dipindahkan sementara daripada kediaman persendirian Anda tetapi masih dalam kawasan Geografi, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Polisi insurans lain.</p> <p>Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah 15% daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan ke atas isi kandungan rumah.</p>	<p>a) Isi kandungan yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;</p> <p>b) Isi kandungan yang diletakkan di tempat simpanan perabut;</p> <p>c) Kerugian akibat Kejadian Yang Diinsuranskan 7 (Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin), Kejadian Yang Diinsuranskan 8 (Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi) dan Kejadian Yang Diinsuranskan 9 (Banjir) ketika isi kandungan dalam transit.</p>

B) Kerosakan kepada Cermin Kaca

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Anda dilindungi untuk kepecahan kepada cermin ketika di dalam kediaman persendirian.</p> <p>Had tanggungan Kami adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan.</p>	<p>a) Cermin Bimbit</p>

C) Pampasan Untuk Kematian

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Anda dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang diinsuranskan, Kami akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, Anda mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada Kami.</p> <p>Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau satu per dua (1/2) daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan, yang mana lebih rendah.</p>	

D) Harta Orang Gaji

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Anda dilindungi ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Kejadian Yang Diinsuranskan terhadap pakaian dan barangan peribadi kepunyaan orang gaji domestik Anda, yang tinggal bersama Anda atau mana-mana Ahli Keluarga Anda dalam kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Polisi insurans lain.</p>	<p>a) Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.</p>

Digunapakai untuk Bangunan dan / atau Isi Kandungannya.

Digunapakai sekiranya **Polisi Anda** menginsuranskan **Bangunan dan / atau Isi Kandungan Anda**.

E) Insurans Sewa

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Selaku tuannya, Anda dilindungi untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian Anda seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tidak boleh dihuni akibat daripada Kejadian Yang Diinsuranskan bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Selaku Penghuni, Kami akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada sesuatu Kejadian Yang Diinsuranskan, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Bangunan dan / atau Isi Kandungannya.</p> <p>Manfaat ini adalah tambahan kepada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.</p>	

F) Liabiliti kepada Awam

Apa yang Dilindungi	Apa yang Tidak Dilindungi
<p>Kami akan mengganti rugi Anda atau pasangan Anda terhadap liabiliti undang-undang dimana Anda mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu kejadian, dalam tempoh insurans pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan Ahli keluarga, Penghuni rumah atau yang berkhidmat dengan Anda:</p> <p>a) Liabiliti selaku Tuanpunya bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam bangunan.</p> <p>b) Liabiliti selaku Penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.</p> <p>Had liabiliti Kami tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual.</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada Anda dan Pasangan:</p> <p>i) Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Anda atau pasangan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh Kami sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar samada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu kejadian.</p> <p>ii) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Anda atau Pasangan dengan persetujuan Kami.</p> <p>Jika bangunan-bangunan adalah untuk Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri, gantirugi Kami kepada Anda adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang dibuat terhadap Anda selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa tempoh insurans.</p> <p>Kami akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi Anda sekiranya berlaku kematian kepada Anda berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Anda atau Pasangan Anda dengan syarat wakil sah peribadi Anda mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam Polisi.</p>	<p>a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Anda atau pasangan Anda, di mana-mana mahkamah Negara-negara di luar Malaysia.</p> <p>b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.</p> <p>c) Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemunyaan, pemilihan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Anda atau pasangan Anda berkait akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya; • Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan Anda; • Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik) yang dilekapkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu dalam Bangunan yang diinsuranskan; • Apa-apa perjanjian kontrak; • Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos; • Mana-mana bahagian Bangunan yang diinsuranskan yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan Anda.

**PENGECUALIAN AM
(DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)**

Anda tidak akan dilindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

Pengecualian Am 1

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insurreksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
- c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan / atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada **Anda**.

Pengecualian Am 2

Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:

- yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletaknya harta tersebut;
- kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
- yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

Pengecualian Am 3

Kami tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerosakan kecuali Insurans Sewa.

BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Kepentingan Boleh Insurans

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan insurans ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendors **Polisi** ini.

Tidak Ada Hak untuk Membuat Tuntutan Daripada Orang Lain

Ketika **Polisi** ini menginsuranskan harta milik **Keluarga Anda** atau orang gaji domestik, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

Terhad kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar sahaja

Polisi ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi maksud Manfaat Tambahan - F) Liabiliti Kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai Ahli **Keluarga Anda**.

Nilai Pasaran

Kami akan mengganti rugi **Anda** nilai yang diinsuranskan atau **nilai pasaran** bagi harta yang diinsuranskan yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang **lebihan**.

Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **haus** dan **lusuh** dan / atau **susutnilai**.

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:

- Pembuat, atau
- Ejen tunggal yang sah atau Ejen, atau
- Broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- Kontraktor bangunan, atau
- Penyelaras Kerugian Berlesen di bawah Akta Insurans 1996, atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

Liabiliti Maksimum **Kami**

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **tempoh insurans** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** yang dinyatakan secara khusus di dalam **jadual** atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Polisi**.

Purata

Jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **jumlah yang diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di dalam **jadual**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.

Lebihan

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang tertakluk kepada **Lebihan**, **Lebihan** diguna pakai secara berasingan kepada:

- setiap bangunan. Semua bangunan di dalam **premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **jadual** adalah dianggap sebagai satu bangunan.
- setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

Insurans Lain

Jika terdapat sebarang **Polisi** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

Subrogasi

Kami berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- mendapatkan kembali pampasan atau **gantirugi** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

Penipuan

Kami tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**.

Hak Akses dan Kawalan

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- mengambil dan mengekal milik harta yang diinsuranskan;
- menguruskan sisaan harta yang diinsuranskan yang telah rosak.

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang diinsuranskan yang telah rosak itu kepada **Kami**.

Timbangtara

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang **Wasit** untuk menguruskan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan award hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award.

Anda dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Notis dan Bukti Tuntutan

Anda hendaklah dengan segera memberitahu Kami secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- dalam tempoh 30 hari selepas kejadian dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada Kami tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

Pelan-pelan Bangunan

Sekiranya **Kami** memilih untuk memulihkan semula mana-mana bangunan, **Anda** hendaklah menyediakan kepada **Kami**, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin dikehendaki **Kami**.

Tuntutan Liabiliti

Anda hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada **Kami** dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada **Kami** secepat yang mungkin.

Anda hendaklah menghantar kepada **Kami** dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda** serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan **Kami** untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

Anda tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada **Kami**:

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

TANGGUNGJAWAB ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Berhati-hati

Anda hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara **premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuannya Kediaman **Persendirian**, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

Bayaran Jumlah Yang Dinsuranskan

Selepas sesuatu kerugian, jumlah penuh yang **diinsuranskan** di bawah insurans ini hendaklah dikekalkan.

Anda adalah dikehendaki untuk membayar **premium** tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tarikh tamat insurans.

Fasal **Polisi** Tanpa Nilai

Ini adalah suatu **Polisi** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga syarikat berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN / ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Anda boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami**. **Anda** berhak untuk mendapat bayaran balik **premium** setelah **Kami** caj kepada **Anda** berdasarkan **kadar jangka pendek yang lazim** atau **premium** minimum yang harus dibayar di bawah **Polisi** ini, yang mana lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis tujuh hari secara bertulis dan akan memulangkan **premium** secara pro rata untuk **tempoh insurans** yang belum tamat.

GLOSARI

Setengah-setengah perkataan dan ungkapan di dalam **Polisi** ini mempunyai makna yang spesifik seperti di bawah. Setiap perkataan yang muncul dicetak dalam huruf tebal.

"**Kerugian Turutan**" bermakna kerugian kewangan.

"**Susutnilai**" bermakna pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat haus dan lusuh.

"**Pengendorsan**" bermakna perubahan secara bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Polisi yang ditunjukkan di dalam Jadual.

"**Hakisan**" bermakna yang dipakai atau dihanyutkan oleh air atau angin.

"**Lebihan**" bermakna jumlah yang **Anda perlu** bayar terhadap tuntutan sebelum **Kami** membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam **Jadual** atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.

"**Banjir**" bermakna limpahan atau lencungan dari saluran biasa sama ada secara semulajadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

"**Keluarga**" dan "**Penghuni Rumah**" bermakna mana-mana orang yang selalunya menghuni dengan **Anda**.

"**Lekapan atau Lengkapan**" bermakna barangan yang kekal melekat pada bangunan **Anda**.

"**Ganti Rugi**" bermakna meletakkan **Anda** kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.

"**Kejadian Yang Diinsuranskan**" bermakna salah satu peril yang disenaraikan di dalam **Polisi** ini.

"**Kejadian**" bermakna waktu sebenar insiden itu berlaku.

"**Terbuka**" bermakna di mana-mana bahagian premis yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas premis bangunan tersebut yang tidak dapat dicagar.

"**Tempoh Insurans**" bermakna tempoh di mana **Anda** diinsuranskan. Ia bermula pada masa **Kami** bersetuju untuk memberi perlindungan kepada **Anda** dan berakhir pada tengah malam hari insurans itu tamat. Tarikh tamat ada ditunjukkan di dalam **Jadual**.

"**Barangan Peribadi**" bermakna barangan milik peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.

"**Kepingan Kaca**" bermakna kaca yang dipasang pada struktur bangunan.

"**Polisi**" bermakna kontrak insurans **Anda** yang mengandungi pernyataan **Polisi** ini dan **Jadual**.

"**Premium**" bermakna sebarang jumlah yang **Kami** minta **Anda** bayar di bawah **Polisi** ini dan termasuk caj kerajaan .

"**Jadual**" bermakna **jadual Polisi** di mana kedua-dua butiran yang diinsuranskan dan **jumlah yang diinsuranskan** dinyatakan.

"**Cagar**" bermakna dikunci untuk menghalang kemasukan melainkan jika menggunakan kekerasan.

"**Premis**" bermakna tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam **Jadual** di mana bangunan itu di bina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.

"**Jumlah Yang Diinsuranskan**" bermakna amaun **Anda** diinsuranskan sama ada bangunan **Anda**, Isi kandungan **Anda** (termasuk kandungan ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual**. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh **Anda**.

"**Kadar Jangka Pendek Lazim**" bermakna seperti berikut:

<u>Tempoh tidak melebihi</u>	<u>Kadar Peratusan Yang Dicaj</u>
15 hari	10% dari kadar tahunan
1 bulan	20% -sama-
2 bulan	30% -sama-
3 bulan	40% -sama-
4 bulan	50% -sama-
5 bulan	60% -sama-
6 bulan	70% -sama-
7 bulan	75% -sama-
8 bulan	80% -sama-
9 bulan	85% -sama-
10 bulan	90% -sama-
11 bulan	95% -sama-
12 bulan	100% -sama-

"**Warranti**" bermakna sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap **Anda** di dalam **Polisi**. Pemunggaran waranti akan melayakkan **Kami** untuk menolak tuntutan **Anda** terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.

"**Haus dan lusuh**" bermakna kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

"Kami" bermakna syarikat insurans.

"Anda" bermakna orang yang dinamakan di dalam **Jadual** iaitu pihak diinsuranskan.

"Rompakan dan tahan" bermakna harta benda diinsuranskan sama ada diambil atau diserahkan, kedua-dua keadaan disebabkan paksaan, ancaman atau ugutan keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda** atau mereka yang tinggal dengan **Anda** dalam rumah yang sama, atau orang lain yang dibenarkan berada di premis **Anda**.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi / perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2268 3333
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515